

Pelaksanaan Prinsip Al-Mudharabah Di Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad

Mohd Marzuki Bin Haji Ali
Fakulti Kognitif dan Pembangunan Manusia (FKPM)
Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur
marzuki@gapps.kptm.edu.my

Prof Madya Dr Ab Mumin Bin Ab Ghani
Jabatan Syariah dan Pengurusan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
abmumin@um.edu.my

ABSTRAK

Istilah *mudharabah* merupakan istilah yang kerap digunakan oleh institusi kewangan berlandaskan Islam. Prinsip ini juga dikenali sebagai *qirad* atau *muqaradah*. Pelbagai pengertian digunakan oleh sarjana untuk menerangkan maksud dan pemahaman berkaitan istilah ini di antaranya pembiayaan amanah, pemegang amanah, kongsi sama ekuiti dan kongsi sama keuntungan. Pada dasarnya *mudharabah* atau *muqaradah* membawa maksud perjanjian di antara dua pihak di mana satu pihak bertindak sebagai penyumbang modal dan pihak lain yang bertindak sebagai pengusaha dengan syarat perkongsian keuntungan mengikut nisbah yang tertentu. Kaedah pembiayaan melalui prinsip ini amat berbeza dengan sistem *riba* yang menentukan kadar faedah terlebih dahulu sebelum sesuatu usahasama dijalankan. Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) telah menggunakan prinsip *mudharabah* dalam beberapa instrumen pada perolehan sumber dana seperti syer, simpanan am, simpanan khas dan penggunaan dana seperti perusahaan projek trading, projek usaha sama dengan Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS). Perjanjian *al-mudharabah* (jangka Pendek) dengan KOSIS telah ditandatangani pada 13 Mei 1998 dan perjanjian *al-mudharabah* (jangka panjang) telah ditandatangani pada 30 Jun 1998. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bagaimana prinsip *mudharabah* dilaksanakan. Data-data dikumpul melalui pemerhatian, pengumpulan dokumen dan temu bual dengan individu yang terbabit secara langsung dalam pelaksanaan akad *mudharabah* di KOMASA dengan beberapa penemuan iaitu akad keanggotaan dan penggunaan syer yang tidak menepati prinsip *mudharabah*, penggabungan akad *wadi'ah yad dhamanah* dan *mudharabah* perlu dikemaskinikan. Selain dua instrumen yang dinyatakan diatas, pelaksanaan prinsip *mudharabah* di KOMASA adalah menepati kaedah, rukun dan syarat *mudharabah*.

Katakunci: Sistem Kewangan Islam, Institusi Kewangan Islam, *Mudharabah*, Koperasi

ABSTRACT

The term mudharabah is a term frequently used by Islamic financial institutions. This principle is also known as qirad or muqaradah. Scholars have employed different definitions to explain the meaning and the understanding regarding this term, some of these are; trustee financier, the trustee, partner in equity, and equal partner in profit. At its root the word mudharabah or muqaradah means an agreement between two parties where one of them acts as the financier while the other acts as an entrepreneur within specific regulations and following a specific profit sharing ratio. This method differs significantly with riba (interest) system which sets a fixed rate of interest beforehand prior to any given cooperative efforts that is going to be conducted. Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) has been using mudharabah principle in its instruments of capital acquisition such as; shares, general savings, special savings, and their utilities such as; trading projects, joint venture project with Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS). Short term al-mudharabah agreement with KOSIS was signed on 13th May 1998 and the long term al-mudharabah agreement was signed on 30th June 1998. This study has been conducted to investigate how mudharabah principles are applied. Data which were collected through observation, documentation and interview with individuals who directly connected with mudharabah application at KOMASA has brought several findings; membership card and share utilization did not comply with mudharabah principles and the merger of wadi'ah yad dhamanah and

mudarabah has to be updated. Other than two instruments listed above, the application of mudarabah principles in KOMASA complies to the method, pillars and terms of mudarabah.

Keywords: Islamic Financial System, Islamic Financial Institutions, Mudarabah, Cooperative.

PENGENALAN

Sistem kewangan Islam telah mengalami perkembangan yang pesat di seluruh dunia. Gerakan koperasi juga tidak terkecuali dengan perkembangan sistem kewangan Islam dan pelaksanaan prinsip-prinsipnya. Gerakan koperasi di Malaysia bermula pada tahun 1911 dengan objektif tradisionalnya mengeluarkan pinjaman dan pembiayaan kepada anggota-anggota (Ahmad Hidayat Buang 2004: 2). Objektif tradisional tersebut telah diberi nilai tambah menerusi pindaan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dengan peruntukan “pembiayaan secara Islam” telah dimasukkan dalam akta tersebut (Akta Koperasi 1993 (Akta 502): 4). Peruntukan ini memberi ruang dan peluang kepada gerakan koperasi di Malaysia untuk melaksanakan prinsip-prinsip kewangan Islam termasuklah prinsip *al-mudarabah* dalam operasi perniagaan pada perolehan sumber dana dan pembiayaan dana. Justeru pelaksanaan prinsip *mudarabah* di koperasi akan dinilai dan dianalisis bagi menentukan keabsahannya.

Pelaksanaan prinsip *al-mudarabah* sama ada di sektor koperasi dan perbankan masih lagi diragui oleh segelintir masyarakat. Keraguan tersebut berpunca daripada terhadnya produk yang ditawarkan dan juga keuntungan yang tinggi yang dikenakan ke atas pelanggan produk-produk yang ditawarkan. Ini dibuktikan melalui statistik yang dikemukakan oleh Wong Choo Sum dalam artikelnya yang bertajuk “*Bank Islam Malaysia: Performance Evaluation, 1983-1993*” yang menunjukkan pembiayaan *mudarabah* mewakili kurang dari 1 peratus pada keseluruhan pembiayaan yang ditawarkan oleh sektor perbankan tahun 1985 sehingga tahun 1986. Pembiayaan *mudarabah* semakin menurun dari tempoh itu ke 0.01 peratus dalam tahun 1991 (Saad Al-Harran 1995:95). Situasi ini berlaku disebabkan hanya *sahibul mal* yang dianggap menanggung semua kerugian dalam pembiayaan. Oleh itu, jika sebuah bank Islam memasuki kontrak *mudarabah* sebagai *sahibul mal*, hanya bank yang perlu menanggung semua kerugian manakala *mudarib* tidak menanggung kerugian walaupun beliau bertanggungjawab sepenuhnya menjalankan urusan perniagaan kerana *sahibul mal* tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam urusan tersebut. Apabila berlaku kerugian, *mudarib* bertindak sebagai pekerja dan apabila mendapat keuntungan, beliau berkongsi keuntungan tersebut seolah-olah *mudarib* adalah satu-satunya faktor keuntungan tersebut. (Salman Ahmed Shaikh 2011)

Selain itu, kerugian atas pelaburan yang dibuat juga menimbulkan tanggapan negatif dalam kalangan masyarakat Islam kerana pelaburan yang menggunakan instrumen *mudarabah* yang dilaksanakan oleh koperasi-koperasi di Malaysia pernah mengalami kerugian yang besar dan menyebabkan anggota koperasi hilang modal pelaburan tersebut (Laporan Tahunan 2001, Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS): Laporan Tahunan 2001, Koperasi al-Hilal (M) Berhad (KOHILAL)). Kerugian tersebut telah menimbulkan tanggapan negatif terhadap instrumen *mudarabah* dan menyebabkan istilah *mudarabah* disinonimkan dengan “mudah rebah”.

KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak penulisan akademik yang berkaitan prinsip *mudarabah* dan pengaplikasiannya dalam koperasi. Berikut beberapa kajian yang menghuraikan tajuk berkaitan, antaranya:

Kajian yang dilakukan oleh Yusof bin Ramli (2003) bertajuk *Mudarabah: Konsep dan Peranannya Di Dalam Institusi Kewangan Malaysia* bertujuan untuk memahami dengan lebih jelas tentang pandangan ahli-ahli *fiqh* pelbagai mazhab *Sunni* mengenai kontrak *mudarabah* iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan pembinaan kontrak, sifat kontrak, pihak-pihak yang boleh terlibat dalam kontrak, sifat modal, agihan keuntungan, tanggungan kerugian, penyelesaian pertikaian antara pihak yang berkontrak dan pembubaran *mudarabah*; mengenal pasti antara pandangan *fuqaha'* yang lebih sesuai dengan keadaan semasa. Kajian ini juga cuba menilai setakat mana kesesuaian *mudarabah* untuk diguna pakai dalam pengurusan kewangan moden serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan *mudarabah* tidak dapat dilaksanakan dengan meluas dalam pembekalan modal untuk membiayai aktiviti perekonomian, khususnya dalam kegiatan ekonomi pada skala yang besar.

Azhar Nadeem (2010) telah membuat kajian kes kontrak *mudarabah* ke atas perniagaan Islam dan pembiayaan mikro. Pengkaji memberikan takrifan *mudarabah*, pembahagian *mudarabah*, pembatalan kontrak *mudarabah* dan mengkaji model *mudarabah* di dalam pembiayaan mikro untuk pelaburan minuman sejuk. Hasil kajian, pengkaji mendapati terdapat beberapa cabaran untuk model

mudarabah ke atas pembiayaan mikro, iaitu dari sudut pemantauan pembiayaan yang diberikan. Pengkaji mengemukakan 2 cadangan kaedah pemantauan iaitu pemilihan *mudarib* mestilah dalam kalangan orang yang jujur dan memberikan kredit kepada pelanggan yang sentiasa mengikut pelan yang telah ditetapkan. Cabaran yang akan di hadapi seterusnya ialah dari sudut moral yang tidak baik seperti keengganan pembayaran balik pembiayaan pelanggan kepada institusi pembiayaan mikro, pemilihan pelanggan yang tidak efisien kerana kekurangan maklumat latar belakang pelanggan, keuntungan yang tidak pasti serta pembayaran amaun yang belum pasti juga akan di hadapi oleh institusi pembiayaan mikro. Pengkaji menyatakan bahawa pembiayaan mikro Islam mampu meningkatkan ekonomi negara yang sedang membangun dari masa ke masa dan menyumbang ke arah pengurangan kemiskinan dengan mengaplikasikan kontrak-kontrak kewangan Islam seperti *mudarabah* dan sebagainya.

Hormoz Movassagi & *et al*(2001) mengkaji pertumbuhan perbankan Islam sejak ditubuhkan hampir 4 dekad yang lalu. Pengkaji meneliti beberapa produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam seperti *mudarabah*, *murabahah*, *musharakah* dan *ijarah*. Pengkaji mendapati perbankan Islam menawarkan produk simpanan dan “*time deposit*” berasaskan kontrak *mudarabah*, iaitu pendeposit adalah *mudarib* manakala perbankan Islam adalah *rabbul mal*. Produk berasaskan *mudarabah* adalah popular dalam perbankan Islam kerana bank menggalas liabiliti dan risiko yang terhad dengan memperoleh margin keuntungan yang agak besar. Antara masalah yang dihadapi oleh pendeposit modal atau pelanggan ialah sekiranya institusi gagal melabur wang pendeposit, pendeposit tidak mendapat semula sebahagian daripada dana yang hilang. Ini berlaku ke atas perbankan Islam ar-Rayyan di Mesir. Pengkaji mencadangkan agar pendeposit atau pelanggan di berikan pulangan dengan setimpal sekiranya perbankan Islam gagal untuk melabur wang pendeposit. Ini kerana urusan niaga Islam adalah “*ideal*” iaitu urusan niaga yang mewujudkan keadilan ekonomi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan empat metode iaitu;

- i. Metode Historis; Metode ini digunakan untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian yang mempunyai nilai sejarah. Penulis menggunakannya dalam usaha mendapatkan data mengenai sejarah penubuhan, visi dan misi dan pelaksanaan prinsip *al-mudarabah* di KOMASA. Dalam mendapatkan data bersifat historis ini, penulis menggunakan dokumen-dokumen, Minit Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOMASA dan buku-buku laporan tahunan KOMASA.
- ii. Metode dokumentasi; adalah bahan bertulis yang dapat memberikan bermacam-macam keterangan yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Dalam penulisan ini, penulisan membuat penelitian terhadap dokumen-dokumen seperti berikut Al-Qur'an dan al-Hadith, kitab-kitab, buku-buku, kamus, ensiklopedia serta bahan-bahan bercetak seperti buku-buku berkaitan kewangan Islam, Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Undang-undang Kecil KOMASA, Aturan-aturan KOMASA, buku laporan tahunan KOMASA, minit-minit mesyuarat KOMASA, akhbar, jurnal dan laporan-laporan: digunakan berselerak dalam semua bab disertasi ini.
- iii. Metode temu bual; merupakan satu kaedah yang penting untuk menjelaskan keadaan sebenar mengenai situasi atau permasalahan yang diteliti. Ia membantu mengesahkan atau memberi maklumat yang lebih terperinci terhadap hasil kajian dokumentasi. Temuan secara kualitatif dicapai dengan penggunaan kaedah temu bual secara bersemuka. Melalui metode temu bual, penulis memilih beberapa responden yang terlibat dengan pengurusan KOMASA. Antara yang ditemu bual ialah Syamsul Fozy bin Osman, Pengerusi (2008/2009–Disember 2014); Tuan Hj Mohd Kamal bin Shah Rani, Setiausaha (2003/2004 - sekarang); Pn Nor Hayati bt Haji Baharum, Pengerusi (2006/2007 - 2007/2008); En. Amran bin Hassim, Pengerusi Koperasi Kolej YPM Kuala Lumpur Berhad (1997/1998) dan Puan Ruwaida bt Raduan, Eksekutif menjalankan tugas Pengurus, KOMASA.
- iv. Metode observasi; digunakan untuk mendapatkan data yang lebih praktikal ataupun bagi memilih objek yang hendak dijadikan sampel pengkajian.

KONSEP AL- MUDARABAH

Istilah *mudarabah* merupakan istilah yang kerap digunakan oleh institusi kewangan berlandaskan Islam. Prinsip ini juga dikenali sebagai *qirad* atau *muqaradah*. Pelbagai pengertian digunakan oleh sarjana

untuk menerangkan maksud dan pemahaman berkaitan istilah ini di antaranya pembiayaan amanah, pemegang amanah, kongsi sama ekuiti dan kongsi sama keuntungan.

Pada dasarnya *mudarabah* atau *muqaradah* membawa maksud perjanjian di antara dua pihak di mana satu pihak bertindak sebagai penyumbang modal kepada pihak lain yang bertindak sebagai pengusaha dengan syarat perkongsian keuntungan mengikut nisbah yang tertentu. Kaedah pembiayaan melalui prinsip ini amat berbeza dengan sistem *riba* yang menentukan kadar faedah terlebih dahulu sebelum sesuatu usahasama dijalankan.

DEFINISI AL-MUDARABAH

Mudarabah atau *qirad* merupakan salah satu daripada pembiayaan syarikat atau ekuiti. Instrumen ini merupakan satu kaedah atau satu perjanjian yang dimeterai antara pemodal dan pengusaha di mana pemodal (*sahibul mal*) bersetuju untuk membiayai projek yang akan diusahakan oleh pengusaha (*mudarib*) dan berkongsi untung mengikut nisbah pembahagian yang dipersetujui bersama (Muhammad al-Khatib al-Syarbini 309-310; al-Baijuri 21; Mustafa, Ibrahim, et al 1972:536). Walau bagaimanapun, kerugian hanya akan ditanggung oleh pemodal sahaja. Namun demikian di dalam sesetengah kes, berlakunya kerugian disebabkan oleh kelalaian pengusaha (*mudarib*), maka kerugian tersebut ditanggung oleh pengusaha (Mohd Marzuki Haji Ali, Bil Q4, 1998:4). Dari segi bahasa perkataan *Mudarabah* berasal dari perkataan (ضرب-يضرِب) yang bererti memukul (Mustafa, Ibrahim, et al. 1972: 536) atau berjalan di muka bumi untuk mencari rezeki (Syeikh Hassan Ayob 2008:340) dan kurniaan Allah S.W.T. (Sobri Salamon 1988:77). Pengertian ini bertepatan dengan sejarah pelaksanaan *mudarabah* di mana “*darib*” menempuh perjalanan yang cukup panjang untuk mengadakan usaha-usaha komersial mencari keuntungan (Muhammad Kamal Azhari 1993:73). *Mudarabah* juga boleh ditakrifkan sebagai meletakkan padanya harta untuk diniagakan dalam tempoh tertentu dan daripadanya diperolehi keuntungan (Mustafa, Ibrahim, et al. 1972:536). Hasil keuntungan daripada perdagangan tersebut dibahagi di antara pemodal dan pengusaha mengikut nisbah yang telah dipersetujui (Sobri Salamon 1988:77).

Menurut istilah yang di guna pakai oleh ahli Iraq, seseorang memberikan hartanya untuk orang lain untuk dijadikan modal usaha, dengan catatan hasil keuntungan dibahagi dua sesuai dengan peratusnya manakala ahli Hijaz menamakannya dengan *al-qirad* yang berasal dari *al-Qardh* iaitu *al-Qat`u* yang memberi makna cabang atau potongan (Sayid Sabiq 1990:129) di mana seolah-oleh pemilik modal memutuskan hubungan dengan hartanya untuk diserahkan kepada pelaksana dan pemilik modal tersebut memutuskan dari keuntungan tersebut. (Syeikh Hassan Ayob 2008:340)

Para *fuqaha*’ mentakrifkan perkataan *mudarabah* sebagai “suatu bentuk akad (perjanjian) untuk berkongsi dalam keuntungan dengan syarat bahawa wang adalah di satu pihak, dan pekerjaan memperniagakan wang itu di satu pihak yang lain. Pemilik wang (*sahibul mal*) mungkin banyak jumlahnya (lebih daripada seorang), seperti juga jumlah pekerjanya mungkin lebih daripada seorang. *Mudarabah* ini adalah dipandang sebagai sejenis perjanjian yang berkaitan dengan masalah kewangan yang berlegar di sekitar manfaat dan mudarat” (Muhammad Abdul Mun`im Al-Jammal 1997: 478).

AMALAN MUDARABAH DI KOPERASI KOLEJ POLY-TECH MARA KUALA LUMPUR BERHAD

Latar Belakang Organisasi

Koperasi Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur Berhad telah dicadangkan penubuhannya pada Mesyuarat Agung Permulaan pada 9 Julai 1997 dengan perbincangan dan perancangan untuk meluluskan penubuhan, menerima undang-undang kecil dan permohonan untuk mendaftarkan koperasi dengan nama Koperasi Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur Berhad di bawah Akta Koperasi 1993. Susulan daripada Mesyuarat Agung Permulaan tersebut Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad telah didaftarkan pada 14 November, 1997 dengan nama Koperasi Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur Berhad di bawah Akta Koperasi 1993. Ianya ditubuhkan untuk merealisasikan idealisma dan aspirasi untuk membangunkan sistem hidup Islam khususnya di bidang ekonomi di Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur dengan objektif utama untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kebajikan anggotanya (Amran bin Hassim: 15.5.2012).

Tanggal 29 Julai 2009, KOMASA secara rasminya bertukar nama kepada Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad. Pertukaran nama tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang telah diadakan pada 29 Januari 2009 (Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech

MARA Kuala Lumpur Berhad 2008) berikutan penukaran nama Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur kepada Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur. Keanggotaan KOMASA terbuka kepada seluruh warga Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (Undang-Undang Kecil Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad). Jumlah keanggotaan pada 30 Jun 2013 ialah seramai 4250 orang dengan kumpulan wang anggota termasuk modal syer sebanyak RM 536,115.83, simpanan am (*wadi'ah*) sebanyak RM331,030.80 dan modal keseluruhan sebanyak RM 1,149,154.17 (Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad 2013: 24 & 26).

Pelaksanaan Prinsip *Mudarabah* Di Komasa

Pelaksanaan prinsip *mudarabah* di KOMASA meliputi perolehan sumber dana dan penggunaan dana yang dimiliki, antaranya;

- i. Perolehan sumber dana;
 - a) Syer.
 - b) Simpanan am (*wadi'ah*).
 - c) Pelaburan anggota di bawah Simpanan Khas.
- ii. Penggunaan dan pembiayaan dana;
 - a) Perniagaan trading.
 - b) Projek Usahasama *Mudarabah* Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS) seperti projek usahasama *Mudarabah* Diamond, projek usahasama *Mudarabah* Ostrich, projek usahasama *Mudarabah* Bestari, projek usahasama *Mudarabah* Perdana dan projek usahasama Unified Vantage Sdn. Bhd. (UV).

Analisis Pelaksanaan Prinsip *Mudarabah* Di Komasa

Secara umumnya, dalam memberikan analisis dan ulasan berkaitan pelaksanaan prinsip *mudarabah*, ianya tidak boleh lari daripada menyentuh tentang persoalan hukum dan juga persoalan sama ada ia dilaksanakan selari dengan syariah atau tidak. Justeru, penganalisaan terhadap rukun dalam kontrak dan syarat-syaratnya perlu dibuat.

Bentuk Akad

Akad bermaksud suatu ikatan tawaran daripada pihak pertama dan penerimaan pihak kedua yang melibatkan proses *ijab* dan *qabul*. Ikatan ini kelak akan melahirkan kesan terhadap pemindahan milik sesuatu aset dan terbentuklah kontrak (Maliki Mustafa & Zuraidah Muhidin 2009:92). Akad yang dilaksanakan di KOMASA terbahagi kepada 2 bentuk:

i. Akad Keanggotaan

Dalam konteks akad keanggotaan, KOMASA telah menggunakan borang permohonan menjadi anggota sebagai akad antara anggota dengan koperasi. Pada borang ini di bahagian E (pengakuan) bilangan 3 tertulis bahawa setiap anggota hendaklah memberikan persetujuan untuk melaburkan wang syer dalam koperasi ini atas konsep *mudarabah* (Borang Permohonan Menjadi Anggota Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad). Namun, persetujuan tersebut tidak memperincikan tentang pembahagian keuntungan dan tanggungan kerugian di antara anggota dan koperasi dalam bentuk peratusan.

Akad keanggotaan yang diamalkan oleh KOMASA dikhuatiri tergolong di bawah kategori *mudarabah* yang *fasid*. Antara faktor yang boleh menyebabkan *mudarabah* menjadi *fasid* ialah (Yusof bin Ramli 2003:145);

- i. Pemilik modal menyerahkan modal miliknya kepada *mudarib* tanpa menyebut mengenai agihan keuntungan antara mereka.
- ii. Ketentuan bahagian untuk *mudarib* pada kadar yang diragui seperti pemilik modal menentukan bahawa *mudarib* akan mengambil keuntungan pada kadar $\frac{1}{2}$ atau $\frac{1}{3}$.
- iii. Pemberian kadar keuntungan mengikut kehendak sebelah pihak sahaja seperti *mudarib* menentukan bahagian untuk pemilik modal mengikut kadar yang *mudarib* kehendaki, atau, sebaliknya pemilik modal memberi bahagian keuntungan untuk *mudarib* mengikut

kadar yang pemilik modal kehendaki dan selebihnya adalah untuk dirinya sendiri tanpa diketahui kadar sebenarnya.

Apabila sesuatu kontrak *mudarabah* menjadi *fasid*, *mudarib* tidak boleh melakukan sebarang pekerjaan sebagaimana yang boleh dilakukan olehnya dalam kontrak *mudarabah* yang sah. *Mudarib* juga tidak boleh mendapat apa-apa hak seperti mana yang ada dalam *mudarabah* yang sah, tidak boleh mendapatkan saraan dan tidak berhak mendapat bahagian dalam keuntungan. Semua keuntungan adalah untuk pemilik modal, *mudarib* hanya berhak mendapat upah *mithl* sahaja kerana usahawan tidak rela bekerja secara percuma.

ii. Akad Simpanan Khas

Akad Simpanan Khas yang digunakan di antara anggota dan KOMASA adalah akad *mudarabah muqayyadah* iaitu kontrak yang diikat dengan ketentuan masa, tempat, jenis perniagaan, jenis barangan yang diperniagakan dan terikat dengan orang-orang tertentu dalam menjual dan membeli. Pemilik modal boleh mengenakan ikatan (*qayyid*) terhadap *mudarabah* ketika kontrak dibuat dan selepasnya, selama mana harta modal yang ada belum diurus niagakan. Boleh juga *qayyid* dikenakan selepas urusan niaga dijalankan jika harta modal itu telah kembali menjadi wang tunai. Jika *mudarib* telah membeli barangan perniagaan, pada ketika itu pemilik modal tidak boleh mengenakan apa-apa syarat seperti tidak menjual secara kredit. Dalam keadaan ini hendaklah dikekalkan kebebasan yang cukup kepada *mudarib* memperniagakan barangan tersebut bersesuaian dengan kebenaran yang diberi kepadanya dari segi hak menjual dan membeli.

Amalan akad *mudarabah muqayyadah* yang dilaksanakan di KOMASA tidak bercanggah dengan syarak kerana ianya merupakan pandangan ulama mazhab Hanafi dan Hanbali yang merupakan dua aliran ijtihad yang diambil kira dalam disiplin fiqh Islam.

Syarat-syarat *mudarabah* yang telah dipenuhi adalah;

- i. Kedua-dua belah pihak sama ada pelabur (anggota KOMASA) dan *mudarib* (KOMASA) cukup ahli untuk tawkil dan wakalah (menakwilkan dan diwakilkan) (Ab Mumin Ab Ghani 2009:397).
- ii. Modal terdiri daripada wang tunai yang ditentukan semasa akad dan diserahkan kepada pengusaha sebaik selesai *ijab* dan *qabul* dengan cara-cara yang dipersetujui. Modal itu bersifat tunai bukannya hutang kerana jika hutang, akadnya dikira rosak. Modal minimum yang ditetapkan berjumlah RM 500.00.
- iii. Harta yang jelas ciri-cirinya, ini untuk menghilangkan *gharar* yang menyebabkan ketidak jelasan keuntungan, kerana keuntungan yang jelas merupakan syarat sah *mudarabah*.
- iv. Menyerahkan modal kepada *mudarib* dalam bentuk amanah. Tidak sah akad bila tidak diserahkan modal iaitu dengan melepaskan hak pemilikan.
- v. Penetapan nisbah pembahagian keuntungan (Syeikh Hassan Ayob 2008:342) di antara pemodal dan pengusaha di dalam akad perjanjian. Nisbah pembahagian keuntungan yang dipersetujui adalah enam puluh peratus untuk pelabur (anggota KOMASA) dan empat puluh peratus untuk *mudarib* (KOMASA).
- vi. Akad *mudarabah* dengan lafaz yang jelas tanpa menimbulkan pertikaian terutama dalam lafaz *mudarabah*. Setiap sesuatu yang menimbulkan *gharar* atau ketidak jelasan akan merosak akad. Penggunaan borang permohonan pelaburan berasaskan *mudarabah* diisi dan ditandatangani oleh *sahibul mal* (anggota KOMASA) dan *mudarib* (KOMASA)
- vii. Pengusaha juga tidak boleh dibebani dengan sebarang tanggungjawab di atas kerugian yang berlaku bukan disebabkan oleh kecuaiannya (Idris Ahmad, S.H 1995:103). Kerugian akan ditanggung oleh tuan punya modal, begitu juga jika tiada keuntungan, pemodal hanya mendapat balik modalnya dan pengusaha tidak akan mendapat apa-apa keuntungan (Maliki Mustafa dan Zuraidah Muhidin 2012: 132).

PELAKSANAAN TWO-TIER MUDARABAH

KOMASA telah melaksanakan pelaburan berasaskan *mudarabah* secara dua peringkat. Peringkat pertama antara anggota dengan KOMASA dan peringkat kedua antara KOMASA dengan KOSIS.

Terdapat dua pandangan berkaitan isu pelaksanaan *two-tier mudarabah* iaitu;

- i. *Fuqaha'* Shafi'i berpendapat bahawa jika akad *mudarabah* secara dua peringkat (*two-tier mudarabah*) dilakukan, usahawan tidak dibenarkan terlibat dalam akad seperti ini sama ada keizinan diperolehi atau tidak daripada *sahibul mal*. Jika dilakukan juga, akad tersebut dianggap batal. Walaupun trend umum pemikiran *fuqaha'* Shafi'i sedemikian rupa, namun terdapat sesetengah *fuqaha'* Shafi'i yang lain membenarkan amalan tersebut.
- ii. *Fuqaha'* Hanafi, Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa kebebasan usahawan dalam melakukan aktiviti perniagaan dan pelaburan bagi mendapatkan keuntungan serta hak usahawan untuk melakukan transaksi dengan pihak ketiga dengan menggunakan modal *sahibul mal* seperti melakukan akad *mudarabah*, *musharakah*, *al-rah*n dan sebagainya. *Fuqaha'* Hanafi, Maliki dan Hanbali juga berpandangan bahawa pada asalnya adalah suatu akad yang harus pada kedua-dua pihak dan tidak mengikat *sahibul mal* dan *mudarib*. (Yusof Bin Ramli 2003:64)

Kesimpulannya pelaksanaan prinsip *mudarabah* secara berperingkat adalah harus pada *sahibul mal* (anggota) dan *mudarib* (KOMASA) dan antara KOMASA dengan KOSIS.

PENUTUP

Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) telah melaksanakan prinsip *mudarabah* dalam operasi hariannya meliputi perolehan sumber dana dan penggunaan dana. Perolehan sumber dana melalui syer, simpanan am (*wadi'ah*) dan simpanan khas *mudarabah* seperti *mudarabah* trading, Diamond, Ostrich, PERDANA, Bestari dan UV manakala penggunaan dana melalui *mudarabah* trading, usahasama *mudarabah* dengan Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS) dan usahasama *musharakah* dengan Unified Vantage Sdn Bhd. (UV).


BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an


- Ab. Mumin Ab. Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Ahmad Hidayat Buang. (2004). *Fatwa Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang. (2004). Koperasi Secara Islam Dalam Kerangka Perundangan Malaysia, *Jurnal Syariah*, Bil. 12:2, [2004]
- Akta Koperasi 1993 (Akta 502).
- Al-Baijuri, (t.t.), *Hasyiah al-Syaikh Ibrahim al-Baijuri*, Jil. 2, Beirut: Dar al-Fikr.
- Amran Bin Hassim, Pengerusi Koperasi Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur Berhad 1997-2001, *temu bual* di Pejabat Pentadbiran, Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur pada 15.5.2012.
- Azhar Nadeem. (2010), Islamic Business Contracts and Microfinance A Case of Mudaraba, *MPRA Paper No. 27194*, 4 Disember 2010 01:24 UTC, <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/27194/>, capaian pada 1 April 2015.
- Brosur Kenapa Perlunya Saya Jadi Anggota Koperasi Kolej Yayasan Pelajaran MARA Kuala Lumpur Berhad
- Borang Permohonan Menjadi Anggota Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad.
- Fadzila Azni Ahmad, Pengurusan Kemiskinan Material Secara Islam, *Pemikir*, Okt-Dis 2001.
- Hormoz Movassagi. (2001), Islamic Banking A Performance Analysis, *The Journal of Global Business, Vlumue 12, No.22, Spring 2001*, <http://www.ithaca.edu/faculty/zaman/publications.htm#journals>, capaian pada 4 Disember, 2014.
- Idris Ahmad, S.H. (1995), *Fiqh Syafi'i*, Jil. II, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Laporan Bengkel Memperkasa Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad bertarikh 22-23 Mei 2010.
- Laporan Tahunan Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad 2013.
- Laporan Tahunan Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS) 2001.

- Laporan Tahunan Koperasi al-Hilal (M) Berhad (KOHILAL) 2001.
- Maliki Mustafa dan Zuraidah Muhidin. (2012). *Perniagaan Islam: Satu Pengenalan*, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad.
- Muhammad ibn Idris al-Syafi'i. (t.t). *Al-Um*, Jil. 7, Dar al-Fikr.
- Muhammad Abdul Mun'im Al-Jammal, (1997). *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, Terj. Salahuddin Abdullah, Jil. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Jil. 2, Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustafa, Ibrahim, et al. (1972). *Al-Mu'jam Al-Wasit*, Istanbul: Al-Maktabah Al-Islamiah.
- Mustofa Al-Khin, Dr., Mustofa Al-Bugho, Dr., & Ali Asy-Syarbaji, (2014), *Al-Fiqh Al-Manhaji `Ala Mazhab Al-Imam As-Shafi'i /Kitab Fikah Mazhab Syafie*, terj. Ridzuan Hashim, et.al., Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Mohd Marzuki Haji Ali. (1998), Apakah Al-Mudharabah, *Buletin KOSIS*, Bil Q4, 1998, Kuala Lumpur: Koperasi Siswazah Berhad.
- Peraturan Koperasi 1995.
- Saad Al-Harran. (1995). Bank Islam Malaysia: Performance Evaluation, 1983-1993, *Leading Issues In Islamic Banking and Finance*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Salman Ahmed Shaikh, (2011), A Critical Analysis of Mudarabah & A New Approach To Equity Financing In Islamic Finance, *MPRA Paper No. 19697*, 19 September 2011 12:50 UTC, <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/19697/>, capaian pada 1 April, 2015.
- Sayid Sabiq, (1990). *Fikih Sunnah*, Terj. H. Kamaluddin A. Marzuki, Jil. 12, Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Sobri Salamon. (1988). *Perniagaan Menurut Pandangan Islam*, Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.
- Syeikh Hassan Ayob. (2008). *Fiqh Muamalah*, Terj. Saleh Siregar, Puchong: Berlian Publications Sdn Bhd.
- Undang-Undang Kecil Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad.
- Yusof Ismail. (2002). Pendekatan Perniagaan Islam bagi Koperasi, *Seminar Kebangsaan Perniagaan Koperasi Secara Islam*, Maktab Kerjasama Malaysia pada 30 Mei 2002.
- Yusof bin Ramli. (2003). *Mudarabah: Konsep dan Peranannya Di Dalam Institusi Kewangan Malaysia*, *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

LAMPIRAN




RAJAH 1: Pembiayaan Modal di bawah Prinsip *al- mudarabah*



RAJAH 2: Akad Simpanan Khas (Mudarabah) Trading

Keterangan:

1. Anggota dan KOMASA melakukan kontrak *mudarabah muqayyadah* dengan penentuan kadar keuntungan 60 peratus untuk anggota dan 40 peratus untuk KOMASA. Anggota mesti mengisi borang penyertaan *mudarabah*.
2. Modal berupa wang tunai 100 peratus berasal daripada anggota (*sahibul mal*), sedangkan KOMASA bertindak sebagai pengusaha (*mudarib*) menyumbangkan tenaga, keahlian dan waktu. Modal merupakan serahan awal anggota untuk menyertai *mudarabah* trading dengan had minimum sebanyak RM500.00 tanpa dikenakan kos pengurusan.
3. Modal anggota berupa wang tunai akan dikembalikan 100 peratus oleh KOMASA ketika kontrak ditamatkan oleh pelanggan.
4. Pengagihan keuntungan akan dilakukan jika ada keuntungan yang diperoleh daripada usaha yang telah dilakukan oleh KOMASA dengan nisbah mengikut persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak ketika akad dibuat iaitu enam puluh peratus untuk anggota dan empat puluh peratus untuk KOMASA.



RAJAH 3: Bentuk Pelaburan Dana Simpanan Khas (Mudarabah) KOMASA

Keterangan:

- 1) KOMASA menyediakan kemudahan simpanan kepada anggota dalam akaun Simpanan Khas (Jangka Pendek/Panjang) dengan menggunakan akad *mudarabah*. Instrumen ini terbuka kepada anggota yang memiliki syer minimum dan simpanan sekurang-kurangnya RM 500.00. Anggota juga diberi pilihan untuk melabur dalam portfolio yang sedia ada. Anggota dan KOMASA melakukan kontrak *mudarabah muqayyadah* dengan penentuan kadar keuntungan enam puluh peratus untuk anggota dan empat puluh peratus untuk KOMASA. Anggota diwajibkan mengisi borang penyertaan *mudarabah*.
- 2) Dana simpanan khas anggota disalurkan mengikut kehendak dan persetujuan seperti projek usahasama *mudarabah* trading yang dilaksanakan sendiri oleh

KOMASA, *mudarabah* dengan KOSIS dalam portfolio *Mudarabah* Diamond, *Mudarabah* Ostrich, *Mudarabah* PERDANA dan *Mudarabah* BESTARI atau projek usahasama *musharakah* dengan Unified Vantage Sdn. Bhd. (UV). KOMASA menggunakan tiga akad utama iaitu *mudarabah* trading, *mudarabah* dengan KOSIS dan *musharakah* dengan UV.

- 3) Pengagihan keuntungan akan dilakukan jika ada keuntungan yang diperoleh daripada usaha yang telah dilakukan oleh KOMASA dengan nisbah mengikut persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak ketika akad dibuat iaitu enam puluh peratus untuk anggota dan empat puluh peratus untuk KOMASA.